



Technology for you and the planet

Samsung Mengumumkan Netbook Pertama dengan TCO Certified- Bebas Merkuri, Sangat Jimat Tenaga dan Direka Secara Ergonomik

Netbook N120 Samsung yang teramat ringan hari ini diumumkan sebagai netbook pertama di dunia yang mencapai standard mesra alam sekitar dan kepenggunaan yang utama, iaitu TCO Certified. Bebas merkuri dan bebas daripada bahan-bahan berbahaya yang lain, ia menawarkan penjimatan tenaga yang sangat baik dan mempunyai papan kekunci dan paparan yang direka secara ergonomik- N120 kini mempunyai pentauliahan alam sekitar dan kepenggunaan yang paling ketat di dunia - iaitu TCO Certified.

(Foto: <http://www.newscom.com/cgi-bin/prnh/20090707/351717>)

Netbook yang mempunyai pentauliahan TCO adalah netbook yang bebas merkuri dan menawarkan paparan nyalaan belakang LED, membuatnya lebih menjimatkan tenaga berbanding komputer-komputer mudah alih yang lain. Netbook ini telah dapat memenuhi standard tenaga yang paling ketat ditetapkan di pasaran hari ini dan telah diuji sepenuhnya oleh Nemko, sebuah makmal pengujian bebas, menurut kata Helena Nordin Pengurus Produ, Notebooks di TCO. Tambah Nordin "Kini para pengguna boleh memilih netbook yang memenuhi syarat-syarat TCO - itu merupakan satu kemajuan yang positif buat para pengguna yang boleh membuat pilihan untuk produk yang menawarkan prestasi tinggi dan impak rendah terhadap iklim dan alam sekitar. Kami pergi lebih jauh dengan menggabungkan ciri-ciri seperti kualiti gambar yang baik dan rekaan ergonomik dengan syarat-syarat alam sekitar yang ketat di pasaran hari ini."

Netbook - komputer mudah alih yang kecil, nipis, sangat ringan dan jimat tenaga telah mengalami pertumbuhan yang amat pesat di kalangan para pengguna, penuntut serta pengguna yang terlibat dalam perniagaan yang mencari alternatif yang mudah digunakan, mudah di bawa ke mana-mana dan jimat kos berbanding komputer riba yang biasa. Saiznya yang kecil juga memberi faedah kepada alam sekitar, memandangkan penggunaan tenaga semasa pembuatannya adalah kurang dan menggunakan fasa-fasa hayat produk tersebut.

"Kami amat berbangga yang N120 merupakan netbook pertama yang mendapati pentauliahan TCO yang menyebabkan para pengguna menganggap komputer Samsung adalah produk yang selamat dan mesra pengguna. Komitmen Samsung terhadap alam sekitar merupakan salah satu nilai utama kami dan kami sentiasa cuba untuk membangunkan produk-produk yang mempunyai kelayakan standard TCO." komen Kyu Uhm, Naib Presiden Bahagian Sistem Komputer Samsung.

Mengenai TCO Certified

TCO Certified merupakan pentauliahan pihak ketiga untuk produk-produk ICT yang berprestasi tinggi yang juga direka bagi memberi impak yang minima terhadap alam sekitar. Sejak 1992, program pentauliahan TCO mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti imej yang dipertingkat dan ergonomik untuk paparan dan PC, dan juga pengurangan pengeluaran elektromagnetik daripada produk-produk ICT. Penjimatan tenaga dan pengurangan penggunaan bahan-bahan berbahaya juga merupakan aspek utama TCO Certified. Para pengguna dan pembeli komputer menggunakan TCO Certified sebagai alat untuk memilih produk yang memenuhi objektif 'hijau' mereka dan pada masa yang sama memastikan prestasi yang mereka mahukan.

Mengenai Samsung Electronics

Samsung Electronics Co., Ltd. merupakan peneraju global dalam semikonduktor, telekomunikasi, media digital dan teknologi penumpuan digital dengan jualan gabungan 2007 sebanyak AS\$105 bilion. Dengan kira-kira 150,000 kakitangan di 134 pejabat di 62 buah negara, syarikat ini terdiri daripada empat unit perniagaan utama: Perniagaan Media Digital, Perniagaan LCD, Perniagaan Semikonduktor dan Perniagaan Telekomunikasi. Diiktiraf sebagai salah satu jenama global yang pesat membangun, Samsung Electronics merupakan pengeluar utama TV digital, cip memori, telefon bimbit dan TFT-LCD.

Untuk maklumat lanjut mengenai TCO Certified, sila ke

<http://www.tcodevelopment.com> atau bilik media kami di PR Newswire

<http://www.prnewswire.com>

SUMBER: TCO Development